

Kemahiran

Bertulis

A

Sistem Bahasa

Pengimbuhan

Buku teks, hlm. 35, 90, 138



Nota SMART

1. Imbuhan ialah unsur penambah yang digabungkan dengan perkataan dasar.
2. Imbuhan tidak boleh berdiri sendiri atau tidak bermakna jika tidak digabungkan dengan perkataan yang lain.
3. Pengimbuhan ialah proses menambah atau menggabungkan imbuhan pada kata dasar tertentu.
4. Perkataan dasar yang mengalami proses pengimbuhan boleh berubah kelas katanya kepada kelas perkataan yang lain. Contohnya:
 - makan (kata kerja) – makanan (kata nama)
 - darah (kata nama) – berdarah (kata kerja)
 - bulat (kata adjektif) – bulatan (kata nama)
 - masa (kata nama) – semasa (kata hubung)
5. Imbuhan dapat dibahagikan kepada lima jenis, iaitu:
 - (a) **Imbuhan awalan**
Imbuhan yang hadir di hadapan sesuatu perkataan dasar. Contohnya: *berbunga, berasa, belajar, menari, menulis, menyikat, menggiling, mengecat, memperluas, terbesar, terbentuk, sehari, serumah, penulis, pemborong, pelajar, pendakwah, pengebom, perasap, dibeli, dimakan, memperhamba, memperhalus, memperindah*
 - (b) **Imbuhan akhiran**
Imbuhan yang hadir di akhir perkataan dasar. Contohnya: *jahitan, muatan, miliki, tangisi, berikan, besarkan*
 - (c) **Imbuhan apitan**
Imbuhan yang hadir serentak di hadapan dan di akhir perkataan dasar. Contohnya: *berkekalan, berbekalkan, mendirikan, melindungi, mempertemukan, kelihatan, pergunungan, dihapuskan, diperdengarkan, dikotori*
 - (d) **Imbuhan sisipan**
Contoh: *telunjuk, kemuncup, seruling, gelembung, gemuruh, gerigi, sinambung*
 - (e) **Imbuhan pinjaman**
Imbuhan yang dipinjam daripada bahasa asing dan diserapkan ke dalam sistem tatabahasa bahasa Melayu. Contohnya: *mahaguru, seniman, biduanita, abadi, saintifik, fotografi, miligram*

Praktis PT3 Bahagian A

Soalan 1 – 3

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Pelbagai kempen alam sekitar diadakan untuk _____ rakyat supaya menghargai alam sekitar.
A disedari
B kesedaran
C menyedari
D menyedarkan
2. Amalan bercucuk tanam di kawasan persekitaran rumah bukan sahaja dapat menjimatkan kos _____, malahan dapat memelihara alam sekitar.
A belanjawan C perbelanjaan
B dibelanjakan D membelanjakan
3. Pembuangan sisa toksik dan bahan buangan ke dalam sungai akan menyebabkan sungai _____ dan habitat hidupan akuatik musnah.
A dicemari C pencemaran
B tercemar D mencemarkan



4. Pelbagai kempen alam sekitar dilaksanakan oleh kerajaan agar orang ramai _____ untuk menjaga alam sekitar.
- A ditarik
B tarikan
C tertarik
D menarik

Soalan 5 – 8

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

5. Penduduk Kampung Alor bergotong-royong bagi membersihkan kawasan persekitaran kampung mereka. Tiada kesalahan.
- A
B
C
D

6. Menternak rusa semakin mendapat sambutan dalam kalangan penternak kerana mudah dijaga dan memberikan pulangan yang lumayan. Tiada kesalahan.
- A
B
C
D

7. Ayah memperingati abang supaya mengumpulkan barang-barang terbuang yang boleh dikitar semula. Tiada kesalahan.
- A
B
C
D

8. Kita digalakkan supaya menanam pelbagai pokok untuk pemeliharaan kelestarian alam sekitar. Tiada kesalahan.
- A
B
C
D

Praktis PT3 Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- Kerja-kerja pedalaman sungai di kawasan ini baru sahaja bermula dua hari yang lalu.

- Huwaira menghadihkan ibunya sebuah pasu yang diperbuat daripada bahan kitar semula.

- Kerajaan telah memperuntuk berjuta-juta ringgit untuk memelihara dan memulihara sungai.

- Ibu bapa dan guru-guru berperanan untuk memupuk kesedaran kepada anak-anak tentang menjaga alam sekitar.

- Aktiviti pembalakan perlu dikawal untuk mengelakkan pemusnahan hutan yang boleh menyebabkan kepupusan flora dan fauna.
